

PERCAYA PADA SINGAPURA, MERINTIS MASA DEPAN

APAKAH JUMLAH SEBULAN YANG ANDA PERLUKAN SELEPAS BERSARA?

PM LEE JADI
'PERANCANG KEWANGAN'

muka 10

Penghormatan kepada Yusof Ishak



- Masjid baru di Woodlands dinamakan sempena beliau
- Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS) dinamakan ISEAS-Institut Yusof Ishak
- Kerusi Profesor Yusof Ishak dalam Sains Sosial di NUS

Perumahan

- Skim Beli Balik Pajak diperluas kepada flat empat bilik




Pendidikan

- Golongan tidak berkelulusan universiti diberi lebih banyak peluang dalam kerjaya
- Lebih banyak laluan belajar dan bekerja untuk pelajar ITE dan politeknik
- Timbalan Perdana Menteri Tharman Shanmugaratnam terajui jawatankuasa untuk bangun sistem pendidikan, latihan dan kerjaya yang bersepadu, galak industri iktiraf pekerja berdasar kemahiran



Persaraan

- Panel penasihat ditubuh untuk jadikan Tabung Simpanan Pekerja (CPF) lebih fleksibel dan beri rakyat lebih pilihan
- Perkenal skim Sokongan Warga Emas, yang beri bonus tahunan kepada warga tua bergaji rendah
- Pencarum dibenar keluarkan sebahagian simpanan CPF sepukal



Jadikan Singapura kediaman terbaik

- Pejabat Perkhidmatan Perbandaran (MSO) akan ditubuhkan untuk selaras tugas pelbagai agensi
- Bangunkan Jurong termasuk kawasan tepi tasik serta Japanese dan Chinese Garden
- Bina Pusat Sains Singapura yang baru
- Gunakan teknologi untuk raih maklum balas, laporan kejadian dan masalah di lapangan.